

“BUKAN SEKADAR MUZIK:” KAJIAN RADIO KAMPUS KKFM

Mohd.Hamdan Hj. Adnan, Mahat Jamal

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan

Universiti Malaysia Sabah

hamdanadnan@ums.edu.my

Abstrak

Makalah ini melaporkan kajian terhadap Radio Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang lebih dikenali dengan KK (Kampus Kita) FM atau Radio KKFM. Jumlah responden untuk kajian ini adalah seramai 607 orang, terdiri daripada mahasiswa, ahli akademik, kakitangan pengurusan dan profesional, pentadbir, perkhidmatan sokongan dan juga masyarakat yang tinggal di sekitar 10 kilometer daripada kampus utama UMS, iaitu siaran radio KKFM dapat diikuti dengan jelas. Kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya hanya tiga segmen KKFM mencapai skor melebihi 50 peratus. Dapatkan ini menggambarkan keperluan mengadakan perubahan drastik dari segi strategi persembahan dan penerbitan radio dalam memenangi hati dan minda pendengar. Sebahagian daripada cadangan responden ialah untuk meningkatkan kualiti program dan persembahan KKFM, meluaskan liputan siaran KKFM, menyiaran pelbagai rancangan yang dapat meningkatkan minat pendengar, mengurangkan penyiaran iklan dan membuat banyak promosi terhadap rancangan-rancangan terbitan KKFM. Turut disarankan agar KKFM menyiarangkan lebih banyak bahan intelek dan penemuan para pensyarah UMS memandangkan ia adalah radio kampus. KKFM harus membina imej yang tersendiri dan tidak bersaing dengan stesen-stesen radio yang lain, walaupun KKFM perlu menarik para pendengar melalui program-program disukai ramai seperti hiburan. Namun begitu, ia boleh melakukannya melalui program-program yang bersifat ‘infotainment’ selaras dengan *tagline* “Bukan Sekadar Muzik.”

Kata kunci: “*Bukan Sekadar Muzik,* ” *pendengar radio, KKFM, UMS, Kota Kinabalu.*

Abstract

This paper reports a study of Radio Campus of Universiti Malaysia Sabah (UMS), better known as KK (Kampus Kita) or FM Radio KKFM. The number of respondents involved in this survey is 607 people comprising students, academics and professionals, administrators, non-academicians and also the people who live about 10 kilometers away from the UMS main campus radio broadcast KKFM can be received clearly. The study showed that overall only three segments of KKFM achieve a score above 50 percent. This illustrates the need to have a drastic change in terms of strategy and publishing radio show in the hearts and minds of listeners, especially those who live in the vicinity of Kota Kinabalu. Suggestions by respondents are i) improves the quality of programs and performances KKFM, ii) expands the coverage of KKFM, iii) shows various programs that can increase the interest of listeners, iv) reduce broadcast ads and v) promotes the KKFM segments. Also recommended is KKFM publishes more intellectual material and research findings as it is a college radio. KKFM must build a distinctive image and does not compete with other radio stations. Although KKFM needs to attract the audience through programs such as entertainment however, it can do so through ‘infotainment’ programs that suits with the tagline “Not Just Music.”

Keywords: “Not Just Music,” radio listeners, KKFM, UMS, Kota Kinabalu.

Pengenalan

Selain berfungsi sebagai alat penyampaian maklumat, radio juga berperanan melaporkan perubahan dalam masyarakat melalui penyaluran maklumat kepada masyarakat (Schramm, 1967). Selain itu, radio turut berperanan sebagai agen perubahan dan sosialisasi (Singhal & Rogers, 1999). Usaha ini direalisasikan oleh kebanyakan radio khususnya radio awam dan radio kampus dalam memupuk perpaduan dan pembangunan negara.

Beberapa radio kampus yang dikendalikan oleh sebilangan universiti di Malaysia, di samping bertindak sebagai saluran memasyarakatkan siaran ilmu akademik yang terdapat di universiti-universiti bekanaan, ia juga dijadikan wadah oleh para mahasiswa mengasah bakat dalam bidang penyiaran radio.

Bahkan, radio kampus juga berperanan meningkatkan imej universiti supaya reputasinya berada pada tahap yang tinggi dan berwibawa.

Radio kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang lebih dikenali dengan KK (Kampus Kita) FM telah dilancarkan pada 1 Julai 2010 dan diletakkan di Bahagian Perkhidmatan Korporat (BPK). Siarannya boleh diikuti melalui frekuensi 91.1 Mhz di sekitar daerah Kota Kinabalu dan kawasan-kawasan sekitarnya. Pengwujudannya bertujuan menyebarkan maklumat serta perkembangan isu-isu semasa dan hiburan, di samping membina hubungan erat dengan masyarakat menerusi pengisian rancangan interaktif khususnya melalui panggilan telefon, sms dan Facebook.

Dengan menggunakan *tagline* “Bukan Sekadar Muzik,” siaran radio KKFM bukan sahaja semata-mata berbentuk hiburan, tetapi juga menyalurkan pelbagai info terkini kepada para pendengar agar sentiasa peka dengan perkembangan semasa. Teknik penyampaian secara santai digunakan bersesuaian dengan program-program interaktif untuk menarik ramai pendengar radio, selaras dengan misinya untuk menjadikan KKFM sebagai stesen radio yang berwibawa, unggul dan diminati oleh seluruh lapisan masyarakat. Sementara visinya untuk menyalurkan informasi dan rancangan hiburan berkualiti adalah selaras dengan arus pembangunan negara dan menarik minat para pendengar, terutamanya generasi muda menerusi hiburan santai yang mampu membina identiti dan jati diri.

Di samping itu, Radio KK FM juga berperanan sebagai saluran untuk meningkatkan imej dan reputasi UMS, selain membantu dari segi pemindahan ilmu sebagai artifik hiburan daripada ahli akademik kepada komuniti sekeliling. Perkara ini selari dengan peranan saluran radio sebagai media berkesan dan sangat penting dalam menyebarkan ilmu pengetahuan terhadap kejayaan pembangunan (Fraser, 1981).

Selain bertindak sebagai wadah latihan khususnya bagi pelajar-pelajar jurusan Komunikasi di UMS, siaran radio ini juga bertindak sebagai saluran popular interaksi dan sosial antara pelajar dan komuniti sekitar dan secara langsung dapat mengembangkan inovasi melalui siaran-siaran program radio (Thomson, 1967).

Hal yang lebih penting ialah siaran Radio KKFM bertindak sebagai pemangkin dalam membantu mencapai polisi transformasi kerajaan dan integrasi nasional, di samping menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Singhal & Rogers, 1999). Penuntut-penuntut yang belajar di UMS bukan sahaja terdiri daripada rakyat Sabah, tetapi juga mereka yang berasal dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan negara luar. Di samping menyediakan rancangan berbentuk hiburan dan maklumat, KKFM juga menyiaran apa yang berlaku dalam kalangan komuniti kepada masyarakat umum (Schramm, 1967).

Siaran Radio KKFM terdiri daripada enam segmen, lima segmen bersiaran dalam bahasa Malaysia dan satu segmen (Café 911) dalam bahasa Inggeris. Siaran dimulakan dengan Krew Pagi KKFM (0600 – 1000) dikuti oleh Zon Kampus (1000 – 1300); Café 911(1300 – 1600); Ampai-Ampai Krew (1600 – 2000); Pilihan KK (2000 – 0000) dan Zon Bebas Cakap (0000 – 0600). Kesemua segmen kecuali Zon Bebas Cakap adalah berbentuk interaktif (panggilan telefon, sistem pesanan pendek dan Facebook) dan juga mempelawa tetamu datang ke studio untuk membincangkan sesuatu topik yang telah ditetapkan.

Sejak dilancarkan pada tahun 2010, belum ada kajian rasmi dibuat bagi melihat impak dan keberkesanan siaran Radio KKFM. Dengan demikian, makalah ini memaparkan kajian ke atas seramai 607 responden untuk melihat dan memahami pola pendengaran dan persepsi pendengar terhadap siaran Radio KKFM. Responden terdiri daripada mahasiswa, pegawai dan kakitangan UMS, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Politeknik Kota Kinabalu dan Kolej Masterskills Kota Kinabalu.

Persoalan dan Objektif Kajian

Persoalan kajian dikemukakan adalah untuk menjawab soalan-soalan;

- Apakah tahap kekerapan pendengaran siaran Radio KKFM?
- Apakah pola pendengaran audiens terhadap Radio KKFM?
- Apakah rancangan Radio KKFM yang digemari pendengar?
- Apakah tahap profesionalisme DJ Radio KKFM menurut persepsi pendengar?

- Adakah objektif Radio KKFM tercapai?

Objektif kajian siaran Radio KKFM ialah untuk;

- mengetahui kekerapan pendengaran terhadap Radio KKFM,
- memahami pola pendengaran audiens terhadap Radio KKFM,
- menilai tahap populariti rancangan-rancangan Radio KKFM,
- mengenal pasti tahap profesionalisme DJ Radio KKFM berdasarkan persepsi pendengar,
- mengenal pasti pencapaian objektif Radio KKFM.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif, iaitu borang selidik digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan data daripada responden. Kaedah ini lazim digunakan dalam kajian-kajian bidang kemanusiaan, sains sosial, seni dan sosiologi. Dalam bidang komunikasi dan penyiaran pula, pendekatan ini sering digunakan oleh AC Nielsen, sebuah agensi penyelidikan pemasaran yang membuat penyelidikan *audience measurement* termasuklah bagi mendapatkan data untuk *audience ratings*.

Jumlah responden untuk kajian ini adalah seramai 607 orang, terdiri daripada mahasiswa, ahli akademik, pihak pengurusan dan profesional, pentadbir, perkhidmatan sokongan dan juga masyarakat yang tinggal di sekitar 10 kilometer daripada kampus utama UMS. Kutipan data dibuat bermula pada bulan Disember 2011 sehingga Mac 2012 oleh mahasiswa-mahasiswa Kursus Tabii Pengguna, Program Komunikasi di bawah penyeliaan Prof. Dato' Mohd Hamdan Hj. Adnan.

Borang soal selidik terdiri daripada Bahagian A iaitu berkenaan demografi responden, Bahagian B berkaitan pola pendengaran Radio KKFM dan Bahagian C menyentuh secara keseluruhan rancangan-rancangan siaran Radio KKFM itu sendiri. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

Dapatan Kajian

Analisis Responden

Daripada kesemua 607 responden, 47 peratus adalah lelaki dan 53 peratus adalah perempuan. 19.1 peratus terdiri daripada mereka yang berumur 18 tahun dan ke bawah. Sebanyak 53.2 peratus berumur antara 19 dan 23 tahun, 10.4 peratus antara 24 sehingga 26 tahun, 4.94 peratus berumur antara 27 hingga 30 tahun, 8.46 peratus di antara 31 hingga 40 tahun dan 3.8 peratus adalah mereka yang berumur 41 ke atas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Umur responden

Umur	Jumlah Responden	Peratusan (%)
18 dan ke bawah	116	19.1
19 – 23	323	53.2
24 – 26	63	10.4
27 – 30	30	4.94
31 – 40	52	8.46
41 dan ke atas	23	3.8
Jumlah	607	100

Responden bumiputera adalah sebanyak 86.2 peratus (523 orang) dan 13.8 peratus (84 orang) bukan bumiputera. Sebanyak 76.4 peratus responden berasal dari Sabah, diikuti 6.8 peratus dari Sarawak dan selebihnya 16.8 peratus dari Semenanjung Malaysia.

Dari segi pekerjaan, 74.61 peratus adalah pelajar, diikuti dengan 9.4 peratus peringkat pengurusan dan profesional, 5.44 peratus pentadbiran dan khidmat sokongan, 1.32 peratus suri rumah dan lain-lain 9.23 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Pekerjaan responden

Responden	Jumlah	Peratusan (%)
Pelajar	453	74.61
Pengurusan dan Pengurusan	57	9.4
Pentadbiran dan Perkhidmatan Sokongan	33	5.44
Suri rumah	8	1.32
Lain-lain	56	9.23
Jumlah	607	100

Dari segi pengkhususkan kajian, mereka yang dikategorikan sebagai lain-lain berada dalam senarai teratas dengan jumlah 24.7 peratus, diikuti oleh pelajar-pelajar Kejuruteraan sebanyak 19.3 peratus, Sains Sosial dan Seni 17.8 peratus, Teknologi Maklumat 14.3 peratus, Sains Tulen 9.4 peratus, Perubatan dan Kesihatan 8.4 peratus dan 6.1 peratus pelajar ekonomi.

Dari segi kelulusan akademik, responden yang mempunyai sijil dan diploma mempunyai skor sebanyak 42.5 peratus, diikuti oleh mereka yang mempunyai sijil sekolah menengah 23.88 peratus, prasiswazah 19.28 peratus, lepasan siswazah 7.74 peratus dan berpendidikan rendah seramai 6.6 peratus.

Pola Pendengaran Siaran Radio

Berdasarkan analisis di Bahagian B, daripada sejumlah 607 orang responden, seramai 544 (89.6 peratus) adalah pendengar radio, sementara 63 (10.4 peratus) tidak mendengar radio. 47.8 peratus daripada 544 responden mendengar radio kurang daripada satu jam sehari, 38.11 peratus mendengar radio antara 1 sehingga 3 jam sehari, 10.7 peratus mendengar radio di antara 3 hingga 5 jam seminggu dan 3.31 peratus lebih daripada 5 jam sehari seperti yang terdapat dalam Jadual 3.

Jadual 3 Durasi mendengar radio sehari

Jangka Masa Mendengar Radio	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Kurang dari 1 jam	261	47.88
1 – 3 jam	207	38.11
3 – 5 jam	58	10.7
Lebih daripada 5	18	3.31
Jumlah	544	100

53.3 peratus daripada responden mendengar siaran radio melalui set radio, diikuti sebanyak 14.2 peratus melalui internet (komputer), 18.9 peratus melalui telefon bimbit, 1.8 peratus menggunakan radio transistor, 5.7 peratus melalui *walkman* dan lain-lain 6.1 peratus seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 Sumber bagi mendengar radio

Sumber	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Radio	290	53.3
Internet (Komputer)	77	14.2
Internet (Telefon Bimbit)	103	18.9
Radio Transistor	10	1.8
<i>Walkman</i>	31	5.7
Lain-lain	33	6.1
Jumlah	544	100

Dari segi tempat mendengar radio, 12.1 peratus daripada responden mendengar radio semasa berehat di ruang tamu, 0.37 peratus semasa di dapur, 10.5 peratus semasa belajar, 27.8 peratus semasa berada dalam kenderaan, 0.7 peratus semasa bersama kawan-kawan, 6.43 peratus di mana sahaja siaran radio dapat diikuti dan lain-lain sebanyak 7.77 peratus, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Tempat mendengar radio

Tempat	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Ruang Tamu	66	12.1
Dapur	2	0.37
Semasa belajar	57	10.5
Dalam kenderaan	151	27.8
Bersama kawan-kawan	4	0.7
Di mana sahaja siaran radio dapat diikuti	35	6.43
Lain-lain	42	7.77
Jumlah	544	100

Sejumlah 46.87 peratus daripada responden menyatakan mereka suka mendengar muzik tempatan, 30.9 peratus muzik Barat, berita nasional 4.04 peratus, berita tempatan 5.43 peratus, drama 0.37 peratus, forum 1.47 peratus, hal ehwal semasa 5.69 peratus, rancangan-rancangan agama 1.3 peratus, dokumentari 0.55 peratus dan lain-lain sebanyak 2.38 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Pola pendengaran radio

Jenis Program	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Muzik tempatan	255	46.87
Muzik Barat	168	30.9
Berita nasional	22	4.04
Berita tempatan	35	6.43
Drama	2	0.37
Forum	8	1.47
Hal ehwal semasa	31	5.69
Agama	7	1.3
Dokumentari	3	0.55
Lain-lain	13	2.38
Jumlah	544	100

Dua stesen radio swasta yang sangat digemari oleh responden ialah Hot FM diikuti dengan Hitz FM kerana rancangan-rancangan yang disediakan amat menghiburkan.

Analisis Siaran Radio KKFM

Daripada 544 orang responden yang mendengar radio, cuma 64.7 peratus (352) mendengar KKFM dibandingkan dengan 192 (35.3 peratus) responden yang tidak mendengar KKFM, sebaliknya mendengar radio-radio lain seperti Hot FM dan Hitz FM. Dua sebab yang diberikan oleh mereka yang memilih mendengar Hot FM dan Hitz FM kerana rancangan di kedua-dua stesen radio ini dapat memberikan maklumat berguna, di samping lagu-lagu yang disiarkan sangat menghiburkan. Dua sebab kenapa responden tidak mendengar siaran Radio KKFM kerana mereka tidak tahu wujudnya siaran Radio KKFM, selain siarannya yang kurang jelas.

Dilihat dari segi keutamaan rancangan Radio KKFM yang didengar, sejumlah 30.79 peratus daripada responden memilih mendengar muzik dan lagu-lagu tempatan, muzik Barat 5.72 peratus, berita nasional 1.11 peratus, berita tempatan 15.3 peratus, perbincangan tetamu 0.3 peratus, rancangan Zon Kampus 15.3 peratus, Café 911 1.4 peratus, Ampai-ampai Krew 8.8 peratus, Pilihan KK 8.8 peratus, Zon Bebas Cakap 1.99 peratus dan lain-lain 1.7 peratus (lihat Jadual 7).

Jadual 7 Rancangan KKFM yang diutamakan

Rancangan	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Muzik tempatan	108	30.79
Muzik Barat	20	5.72
Berita Nasional	4	1.11
Berita tempatan	54	15.3
Perbincangan tetamu	1	0.3
Zon Kampus	54	15.3
Café 911	5	1.4
Ampai-Ampai Krew	30	8.8
Krew Pagi	31	9.1
Pilihan KK	32	8.8
Zon Bebas Cakap	7	1.99
Lain-lain	6	1.7
Jumlah	352	100

Sebanyak 58.23 peratus daripada 352 responden yang mendengar siaran Radio KKFM kurang daripada satu jam sehari, diikuti dengan 25.3 peratus yang mendengar 1 hingga 3 jam sehari, 10.22 peratus di antara 3 hingga 5 jam sehari dan 6.25 peratus melebihi 5 jam sehari seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8 Jangka masa mendengar KKFM sehari

Jangka masa	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Kurang daripada 1 jam	205	58.23
1 – 3 jam	89	25.3
3 – 5 jam	36	10.22
Melebihi 5 jam	22	6.25
Jumlah	352	100

Dari segi tempat mendengar siaran Radio KKFM, 10.5 peratus daripada 352 responden mendengar radio semasa berada di ruang tamu, 11.1 peratus di dapur, 18.2 peratus semasa di dalam bilik, 11.9 peratus semasa belajar, 29.8 peratus semasa dalam kenderaan, 4.3 peratus ketika bersama kawan, di mana sahaja siaran radio dapat didengar sebanyak 11.9 peratus dan lain-lain 2.3 peratus seperti yang terdapat dalam Rajah 9.

Jadual 9 Tempat mendengar Radio KKFM

Tempat	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Ruang tamu	37	10.5
Dapur	39	11.1
Bilik	64	18.2
Semasa belajar	42	11.9
Dalam kenderaan	105	29.8
Bersama kawan-kawan	15	4.3
Di mana sahaja radio dapat didengar	42	11.9
Lain-lain	8	2.3
Jumlah	352	100

Berkenaan rancangan yang paling diminati di siaran Radio KKFM, sejumlah 31.3 peratus daripada responden memilih lagu-lagu dan muzik tempatan, diikuti dengan lagu-lagu pop dan muzik Barat, 20.73 peratus, berita

tempatan 3.4 peratus, berita nasional 11.1 peratus, Krew Pagi 7.4 peratus, Perbincangan dengan tetamu 0.3 peratus, Zon Kampus, 11.9 peratus, Café 911 0.57 peratus, Pilihan KK 1.4 peratus, Zon Bebas Cakap 2.2 peratus dan lain-lain, 0.9 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10 Program yang sangat diminati di KKFM

Program	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Lagu-lagu tempatan dan muzik	110	31.3
Lagu-lagu pop dan muzik Barat	73	20.73
Berita nasional	12	3.4
Berita tempatan	39	11.1
Krew Pagi	26	7.4
Perbincangan bersama tetamu	1	0.3
Zon Kampus	42	11.9
Café 911	2	0.57
Ampai-Ampai Krew	31	8.8
Pilihan KK	5	1.4
Zon Bebas Cakap	8	2.2
Lain-lain	3	0.9
Jumlah	352	100

Sebanyak 57.4 peratus daripada responden menyatakan mereka pernah mendengar segmen Krew Pagi, sementara 42.6 peratus tidak pernah mendengarnya. Mereka yang pernah mendengar segmen Krew Pagi menyatakan program tersebut menghiburkan. 52.3 peratus daripada responden ada mendengar segmen Zon Kampus, dibandingkan dengan 47.7 peratus tidak pernah mendengar segmen tersebut. Mereka yang mendengar segmen Zon Kampus berpendapat program tersebut banyak memberikan informasi.

Sebanyak 49.1 peratus daripada responden ada mendengar segmen Café 911 berbanding dengan 50.9 peratus tidak pernah mendengar segmen tersebut. Mereka yang pernah mendengar berpendapat segmen tersebut menghiburkan. Bagi segmen Ampai-Ampai Krew pula, 52.3 peratus daripada responden pernah mendengar segmen tersebut, sementara 47.7 peratus memberi tahu yang mereka tidak pernah mendengar segmen tersebut. Mereka yang mendengar berpendapat program tersebut sangat menarik.

Seterusnya, sejumlah 31.9 peratus daripada responden menyatakan ada mendengar segmen Pilihan KK, sementara 62.2 peratus tidak pernah mendengar segmen tersebut. Mereka yang mendengar program tersebut berpendapat rancangan tersebut menarik. Bagi segmen Zon Bebas Cakap pula, seramai 31.9 peratus pernah mendengarnya, sementara 68.1 peratus tidak pernah mendengar program tersebut. Mereka yang mendengar segmen tersebut berpendapat rancangan tersebut menarik. Senarai segmen yang didengar dan tidak didengar oleh responden dan pandangan mereka terhadap program tersebut ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11 Segmen yang didengar dan tidak didengar oleh responden

Ulasan	Tidak Didengar Responden		Didengar Responden		Nama Segmen
	Peratusan (%)	Jumlah Responden	Peratusan (%)	Jumlah Responden	
Menghiburkan	42.6	50	57.4	202	Krew Pagi
Memberi Informasi	47.7	168	52.3	184	Zon Kampus
Menghiburkan	50.9	179	49.1	173	Café 911
Menarik	47.7	168	52.3	184	Ampai-Ampai Krew
Menghiburkan	62.2	219	31.9	133	Pilihan KK
Menarik	68.1	240	31.9	112	Zon Bebas Cakap

Dari segi pencapaian matlamat Radio KKFM sebagai wadah pelajar dan staf UMS dalam menggilap bakat dan mendapatkan pengetahuan, penilaian yang diperoleh sebanyak 13.92 peratus menyatakan sangat berjaya, 36.6 peratus berjaya, 32.38 peratus sederhana, kurang berjaya 13.9 peratus dan 3.1 peratus sangat tidak berjaya.

Penilaian terhadap siaran Radio KKFM sebagai medium penyebaran informasi dalam kalangan warga kampus UMS dan di kawasan-kawasan sekitarnya mendapati 12.2 peratus sangat berjaya, 35.51 peratus berjaya, 26.98 peratus sederhana, kurang berjaya 14.8 peratus dan 10.51 peratus sangat tidak berjaya.

Bagi penilaian Radio KKFM sebagai penyebaran mesej transformasi dan integrasi nasional ialah 11.7 peratus sangat berjaya, 42 peratus berjaya, 30.68 peratus sederhana, 10.8 peratus kurang berjaya dan 4.82 peratus sangat tidak berjaya.

Dari segi sama ada siaran Radio KKFM telah berjaya menyiarkan informasi terkini dan membina belia berwawasan, penilaianannya ialah 38.92 peratus berjaya, 7.7 peratus sangat berjaya, 31.53 peratus sederhana, 16.46 peratus kurang berjaya dan 5.39 peratus sangat tidak berjaya.

Dari segi kebolehan Radio KKFM membina ilmu generasi belia yang berpengetahuan dan inovasi menunjukkan 39.8 peratus menyifatkan sebagai berjaya, 30.1 peratus sederhana, 15.05 peratus sangat berjaya, 9.09 peratus kurang berjaya dan 5.96 peratus sangat tidak berjaya.

Sebanyak 36.93 peratus daripada responden KKFM memberi penilaian sederhana dari segi penyebaran maklumat kerajaan secara santai kepada belia dan pelajar, diikuti sebanyak 29.98 peratus sebagai berjaya, 15.34 peratus sangat berjaya, 36.9 peratus sederhana, 13.92 kurang berjaya dan sangat tidak berjaya 4.83 peratus.

Dari segi sama ada Radio KKFM merupakan radio diminati oleh belia, responden memberi penilaian 33.81 peratus sebagai berjaya, 11.07 peratus sangat berjaya, 27.7 peratus sederhana, 18.47 peratus kurang berjaya dan 9.38 peratus sangat kurang berjaya. Kejayaan siaran Radio KKFM dalam mencapai objektifnya dapat dilihat dalam Jadual 12.

Jadual 12 Penilaian terhadap KKFM dalam pencapaian objektif

Objektif	Sangat Berjaya		Berjaya		Sederhana		Kurang Berjaya		Sangat Tidak Berjaya		Jumlah	
	Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%
Sebagai wadah pelajar dan staf menggilap bakat dan mendapatkan ilmu pengetahuan	49	13.9	129	36.6	114	32.4	49	13.9	11	3.2	352	100
Sebagai medium penyebaran informasi di kampus dan kawasan-kawasan sekitarnya	43	12.2	125	35.5	95	26.9	52	14.8	37	10.5	352	100
Transformasi kerajaan dan integrasi nasional	41	11.7	148	42.0	108	30.6	38	10.8	10	4.8	352	100
Membina wawasan belia	27	7.7	137	38.9	111	31.5	31.5	16.5	19	5.4	352	100
Membina generasi muda yang berilmu dan berinovasi	53	15.1	140	39.8	106	30.1	32	9.1	21	5.9	352	100
Menyebarluaskan mesej-mesej secara santai	54	15.3	102	28.9	130	36.9	49	13.9	17	4.83	352	100
Radio kegemaran belia	39	11.1	119	33.9	96	27.3	65	18.5	33	9.38	352	100

Dari segi penilaian ke atas tahap profesionalisme dan penyampaian DJ Radio KKFM, 38.64 peratus daripada responden memberi penilaian sederhana, 29.3 peratus tinggi, 10.8 peratus sangat tinggi, 15.3 peratus rendah dan 5.96 peratus sangat rendah. Peratus penilaian ini ditunjukkan dalam Jadual 13.

Jadual 13 Tahap profesionalisme DJ KKFM

Profesionalisme	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Sangat tinggi	38	10.8
Tinggi	103	29.3
Sederhana	136	38.64
Rendah	54	15.3
Sangat rendah	21	5.96
Jumlah	352	100

Perbincangan

Daripada 607 responden yang ditemu ramah, 89.6 peratus (544) menyatakan responden adalah pendengar siaran radio seperti KKFM, Hot FM dan Hitz FM, sementara 10.4 peratus (63) tidak mendengar radio. Rancangan hiburan seperti lagu dan muzik menjadi pilihan tertinggi, iaitu sebanyak 77.8 peratus (muzik tempatan 46.85 peratus dan muzik Barat 30.9 peratus). Hanya 9.47 peratus yang mendengar siaran berita (berita nasional 4.04 peratus dan berita tempatan 5.43 peratus). Mereka yang mendengar rancangan khidmat awam sebanyak 5.69 peratus, sementara rancangan agama, dokumentari dan rancangan-rancangan lain penilaianya adalah di bawah 3 peratus. Situasi ini mungkin disebabkan 74.61 peratus daripada responden yang ditemu ramah berumur di antara 19 – 23 tahun (53.2 peratus) yang lebih cenderung mendengar radio sebagai hiburan.

Pola pendengaran radio antara radio KKFM dan radio-radio lain kelihatan agak sama. Daripada sejumlah 544 responden yang mendengar radio, sebanyak 64.7 peratus (352) mendengar siaran radio KKFM dengan sejumlah 52.03 peratus menggemari rancangan hiburan seperti lagu dan muzik tempatan dan Barat. Hanya 14.5 peratus responden yang mengikuti siaran berita (berita nasional 3.5 peratus dan berita tempatan 11.1 peratus) dan mereka yang mendengar rancangan perbincangan peratusannya sangat sedikit iaitu 0.3 peratus. Skor yang rendah ke atas rancangan-rancangan berbentuk perbincangan ini dapat disifatkan bahawa responden tidak berminat mendengar siaran berita dan rancangan berbentuk hal ehwal awam dibandingkan dengan rancangan hiburan. Mungkin hasrat dan falsafah *tagline* radio KKFM “Bukan Sekadar Muzik” boleh dilihat kembali kerana yang

mengikuti rancangan-rancangan bual bicara dan berita peratusannya tidak sampai separuh daripada mereka yang mendengar rancangan-rancangan berbentuk hiburan.

Segmen Krew Pagi (57.74 peratus) mendahului segmen-segmen lain dari segi program yang banyak diikuti oleh pendengar. Kedua, segmen Zon Kampus dan Ampai-Ampai yang berkongsi markah (52.3 peratus), ketiga Café 911 (49.1 peratus), diikuti oleh Pilihan KK (37.8 peratus) dan Zon Bebas Cakap (31.9 peratus). Tiga segmen, iaitu Krew Pagi, Café 911 dan Pilihan KK disifatkan menghiburkan sementara Zon Kampus banyak memberikan informasi kepada pendengar. Pilihan KK dan Zon Bebas Cakap didapati rancangan yang menarik. Tiga segmen telah mencapai markah melebihi 50 peratus, iaitu segmen Krew Pagi (57.4 peratus), Zon Kampus (52.3 peratus) dan Ampai-Ampai Krew (52.3 peratus). Mungkin skor ini boleh mencapai sekurang-kurangnya 60 peratus ke 80 peratus, setanding dengan stesen radio lain jika pengisian dan persembahannya dapat dimantapkan.

Skala Likert digunakan bagi menilai persepsi pendengar terhadap pencapaian matlamat siaran Radio KKFM keseluruhannya. Dari segi penyebaran mesej kerajaan secara santai dalam kalangan belia dan pelajar disifatkan sebagai sangat berjaya (15.34 peratus). Peranannya sebagai alat kerajaan bagi membantu melaksanakan transformasi dan integrasi nasional adalah disifatkan sebagai berjaya (42 peratus), diikuti siaran Radio KKFM sebagai media bagi membina ilmu pengetahuan dan inovasi dalam kalangan generasi muda (36.93 peratus).

Bilangan responden yang bersetuju penyampai-penyampai Radio KKFM telah mencapai tahap profesionalisme adalah sebanyak 36.84 peratus, tahap profesionalisme tinggi 29.3 peratus, tahap profesionalisme sangat tinggi 10.8 peratus, tahap profesionalisme rendah (15.3 peratus) dan tahap profesionalisme sangat rendah, 5.96 peratus. Sementara itu, penyampai-penyampai KKFM yang paling diminati ramai ialah DJ Felix, DJ Ramli dan DJ Alvin.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya hanya tiga segmen KKFM mencapai skor melebihi 50 peratus. Dapatkan ini menggambarkan KKFM memerlukan perubahan drastik dari segi strategi persembahan dan penerbitan radio dalam memenangi hati dan minda pendengar, terutamanya mereka yang tinggal di sekitar daerah Kota Kinabalu. Sebahagian daripada cadangan responden harus diberi perhatian. Antaranya ialah untuk meningkatkan kualiti program dan persembahan KKFM, meluaskan liputan siaran KKFM, menyiarkan pelbagai rancangan yang dapat meningkatkan minat pendengar, mengurangkan penyiaran iklan dan membuat banyak promosi terhadap rancangan-rancangan terbitan KKFM.

Penulis juga menyarankan supaya segmen-semen yang tidak mendapat skor 50 peratus ke atas diberi pendekatan baharu supaya dapat meningkatkan kepopularannya dengan menarik lebih ramai pendengar. Langkah ini bertujuan memastikan setiap program KKFM akan mendapat jumlah pendengar yang skornya melebihi 50 peratus. Liputan KKFM perlu diperluaskan dan tidak hanya meliputi kawasan Kota Kinabalu kerana maklumat-maklumat yang disiarkan adalah berguna kepada masyarakat tempatan.

Turut disarankan ialah KKFM lebih banyak menyiarkan bahan intelek dan penemuan para pensyarah UMS memandangkan KKFM adalah radio kampus. KKFM harus membina imej yang tersendiri dan tidak bersaing dengan stesen-stesen radio yang lain. Sungguhpun ia perlu menarik para pendengar melalui program-program disukai ramai seperti hiburan, matlamat itu masih boleh dilakukan melalui program-program yang bersifat ‘infotainment’ selaras dengan *tagline* “Bukan Sekadar Muzik.”

Rujukan

- Asiah Sarji. (1991). *Penyiaran dan masyarakat. Isu-isu perutusan di Malaysia-Arah dan masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carl Hausman, Philip Benot & Lewis B. O'Donnell. (2000). *Modern radio production: Production, programming and performance*. Kanada: Wadsworth/Thomson Learning.
- Keith, M. C. (1998). *The radio station*. Stoneham, Mass: Focal Press.
- Schramm, Wilbur. (1967). *Communication and change*. Honolulu: East-West Center Press.
- Stanley J. Baran, Dennis K. Davis. (2003). *Mass communication theory, foundations, ferment and future*. Kanada: Wardsworth/Thomson.
- Vivian, V. (2002). *The media of mass communication*. Pearson Education, Inc.
<http://www.kkfm.my/Galeri.html>. Dilayari pada 20 November 2014.
- <http://www.newsabahtimes.com.my/nstweb/fullstory/40119>. Dilayari pada 20 November 2014.

